





MAKLUMAT PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Sesi Akademik **2014/2015**



SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

PENGENALAN

Latar Belakang

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Ia merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia dan merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-12 di Negara ini.

Tujuan penubuhan USIM ialah untuk memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Negara dan menekankan penggunaan ICT dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. USIM menumpukan penguasaan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping Bahasa Melayu.

USIM beroperasi di Kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Sementara itu, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian masih beroperasi di Kampus Cawangan Pandan Indah, Kuala Lumpur. Hospital yang digunakan untuk tujuan pembelajaran adalah Hospital Ampang, Hospital Temerloh, Hospital Tampin dan Hospital Kuala Klawang. Kampus USIM di Nilai terletak kira-kira 10 minit daripada KLIA dan 20-30 minit ke Putrajaya dan Kuala Lumpur.

USIM kini mempunyai lapan (8) buah fakulti sebagaimana berikut:

- Fakulti Syariah dan Undang-undang
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Tujuan

USIM merupakan saluran pertama dan utama bagi lepasan aliran agama dari sekolah-sekolah menengah agama sama ada milik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pengajian di peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. USIM ditubuhkan dengan matlamat antaranya:

- Melahirkan ilmuan Islam berpendidikan sepadu di antara teori dan amali, bersifat ensiklopedik dan mampu memimpin masyarakat yang majmuk sifatnya serta mempunyai potensi diri yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
- Mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul dan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi melahirkan ulama dan intelektual muslim yang mampu memberi kefahaman dan penghayatan Islam.
- Muncul sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan kerjasama ilmiah di

peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan keislaman.

Objektif

- Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Falsafah

Paduan di antara Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Wawasan

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan.

Visi

Mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada Negara, ummah dan manusia sejagat.

Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan yang berteraskan pengajian Islam dan menjadi peneraju ilmu baharu yang menggunakan teknologi terkini bagi menghasilkan inovasi yang mampu mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat.


Tema

Mempelopori Sains Islam • Memimpin Keilmuan

Moto


Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

LALUAN KEMASUKAN KE USIM



Setiap permohonan perlu mendapat sekurang-kurangnya Kepujian (Gred C/6C) pada peringkat SPM dalam matapelajaran Bahasa Arab / Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab Komunikasi dan dalam mana-mana DUA (2) matapelajaran Pengajian Islam (Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Pendidikan Syariah Islamiyyah / Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah)

PELAN KAMPUS UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



**STRUKTUR YURAN SARJANA MUDA MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN
(WARGANEGARA MALAYSIA)**

Yuran		Kategori Program (RM)					
		Perubatan	Pergigian	Kejuruteraan	Sains	Ekonomi	Sastera
		(QM)	(QD)	(QK)	(QC/QG/QH/QS)	(QE/QP)	(QA/QB/QI/QL/QT)
Yuran Pendaftaran (bayaran sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian)	Pendaftaran	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
	Kebajikan	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00
	Minggu Suai Kenal	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00	150.00
	Aktiviti Fakulti dan Buku Panduan	35.00	35.00	35.00	35.00	35.00	35.00
	Lain-lain Perkhidmatan	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00
	Kad Matrik	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
	Alumni	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
	Jumlah (A)	355.00	355.00	355.00	355.00	355.00	355.00
Yuran Pengajian, Penginapan dan Lain-lain (bayaran berulang setiap semester)	Pengajian*	900.00	900.00	700.00	590.00	550.00	550.00
	Penginapan	550.00	550.00	550.00	550.00	550.00	550.00
	Kemudahan Peralatan	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00
	Perpustakaan	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
	Kokurikulum dan Sukan	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
	Komputer dan ICT	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
	Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
	Aktiviti Kolej Kediaman	40.00	40.00	40.00	40.00	40.00	40.00
	Pengangkutan	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00
	Insurans	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
	Makmal**	50.00	50.00	50.00	50.00		
	Pengijazahan dan Konvokesyen***	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
	Antarabangsa***	75.00	75.00	75.00	75.00	75.00	75.00
	Jumlah (B)	1,990.00	1,990.00	1,790.00	1,680.00	1,590.00	1,590.00
Jumlah Besar (A + B)	2,345.00	2,345.00	2,145.00	2,035.00	1,945.00	1,945.00	

* Kadar sebenar yuran pengajian akan diselaraskan kembali setelah pelajar mendaftar kursus pada sesuatu semester yang dikira berdasarkan bilangan jam kredit yang diambil sebagaimana berikut:

- 1) Kursus kategori Kejuruteraan: RM50.00 per jam kredit
- 2) Kursus kategori Sains: RM40.00 per jam kredit
- 3) Kursus kategori lain: RM30.00 per jam kredit

** Pengecualian yuran makmal bagi pelajar program berikut:

- 1) Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) (QS10)
- 2) Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) (QC13)
- 3) Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan) (QS43)

*** Dicaj enam (6) semester sahaja berturut-turut (Semester I hingga VI pengajian) dan jumlah caj yuran tersebut. setakat mana yang telah dicaj dan dibayar akan dikembalikan dalam mana-mana keadaan berikut:

- 1) Pelajar meninggal dunia
- 2) Pelajar menarik diri daripada pengajian
- 3) Pelajar diberhentikan daripada pengajian sama ada disebabkan tindakan tatatertib atau kegagalan dalam peperiksaan

Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa

SENARAI PROGRAM PENGAJIAN SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

BIL	FAKULTI DAN PROGRAM	KOD PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN (TAHUN)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah			
1	Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	QI05	4
	Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian	QI10	4
	Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian	QI11	4
	Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian secara Kerjasama USIM dengan Darul Quran, JAKIM (Kemasukan terhad kepada lepasan Diploma Darul Quran. JAKIM sahaja)	QI05(DQ)	3
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan			
2	Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian	QI07	4
	Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	QA19	4
	Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian	QA02	4
	Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian	QI13	4
Fakulti Syariah dan Undang-undang			
3	Sarjana Muda Syariah Undang-Undang dengan Kepujian	QL04	5
	Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian	QI08	4
Fakulti Pengajian Bahasa Utama			
4	Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian	QB05	4
	Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian	QT35	4
Fakulti Sains dan Teknologi			
5	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)	QG07	4
	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)	QS10	4
	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)	QC13	4
	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan)	QS43	4
	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)	QS21	4
	Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)	QG00	4
	Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian	QH00	3
	Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektronik)	QK86	4
Fakulti Ekonomi dan Muamalat			
6	Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian	QP21	4
	Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian	QE06	4
	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	QE02	4
	Sarjana Muda Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian	QP49	4
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan			
7	Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (Kemasukan melalui lepasan Tamhidi di USIM sahaja)	QM00	6
Fakulti Pergigian			
8	Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (Kemasukan melalui lepasan Tamhidi di USIM sahaja)	QD00	5

SYARAT AM KEMASUKAN SESI AKADEMIK 2014/2015

SYARAT AM KEMASUKAN BAGI LEPASAN STPM	SYARAT AM KEMASUKAN BAGI LEPASAN MATRIKULASI	SYARAT AM KEMASUKAN BAGI LEPASAN STAM	SYARAT AM KEMASUKAN BAGI LEPASAN DIPLOMA/SETARAF
<p>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; <p style="text-align: center;">dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).</p> <p><u>Syarat Tambahan Bagi Permohonan Program Pendidikan Untuk Perkhidmatan Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia:-</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada warganegara sahaja. • Pemohon mestilah berumur tidak melebihi 30 tahun pada 1 Januari 2014 iaitu lahir pada atau selepas 1 Januari 1984. • Lulus Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia/Setaraf. • Calon yang memohon hendaklah sihat tubuh badan, tidak menghidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini. 	<p>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).</p>	<p>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2013 dan 2012.</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).</p> <p><u>Syarat Tambahan Bagi Permohonan Program Pendidikan Untuk Perkhidmatan Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia:-</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada warganegara sahaja. • Pemohon mestilah berumur tidak melebihi 30 tahun pada 1 Januari 2014 iaitu lahir pada atau selepas 1 Januari 1984. • Lulus Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia/Setaraf. • Calon yang memohon hendaklah sihat tubuh badan, tidak menghidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini. 	<p>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau Kejujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2012 atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Lulus peperiksaan Matrikulasi tahun 2012 atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2011 atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p style="text-align: center;">Menyertakan dokumen berikut yang telah disahkan kepada pihak Universiti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Permohonan Aplikasi Dalam Talian; • Salinan Kad Pengenalan/MyKad calon; • Salinan Sijil Kelahiran Calon. Ibu dan Bapa/Surat Akuan Sumpah (Jika hilang) • Salinan Sijil Berhenti Sekolah/Surat Akuan; • Akuan Majikan (Jika Berkaitan); • Salinan Sijil STPM/Setaraf; dan • Salinan Transkrip penuh Akademik (Semester 1 hingga akhir); • Salinan Diploma/Sijil (Jika ada) • Salinan Sijil MUET; • Salinan Surat Pengesahan Tamat Pengajian; dan • Salinan Keputusan Bahasa Melayu/ Matematik Julai (Jika ada) <p><u>Syarat Tambahan Bagi Permohonan Program Pendidikan Untuk Perkhidmatan Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia:-</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada warganegara sahaja. • Pemohon mestilah berumur tidak melebihi 30 tahun pada 1 Januari 2014 iaitu lahir pada atau selepas 1 Januari 1984. • Lulus Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia/Setaraf. • Calon yang memohon hendaklah sihat tubuh badan, tidak menghidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini.



Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel : +606-798 8000 Faks : +606-798 8334
Emel : bpa@usim.edu.my
Laman Web : <http://bpa.usim.edu.my>